



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 3 2020



Sidang REDAKSI

KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

EDITOR



Puan Haryani
binti Kaulan



Cik Siti Nurul
Azzua binti Tamjis

URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran
bin Ashaari



Puan Syalinda binti
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi
bin Rimin

GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida
binti Zainol

PENULIS



Encik Khalilurrahman
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah
binti Jamaluddin



Encik Asmawi
bin Ahmad



Encik Adi Khirman
bin Marji



Encik Mohd Fairus
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza
binti Hanifah



Puan Nur Nisha
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad
Shurazi bin Sukhur

ISI KANDUNGAN

- MPP JADI PERHUBUNG RAKYAT DENGAN KERAJAAN 3
- PERBADANAN PUTRAJAYA SERAH 11 PRODUK KESIHATAN 4
- PUTRAJAYA 2020 GALAK KOMUNITI GAYA HIDUP HIJAU 5
- PERARAKAN BERKUDA DI DATARAN PUTRAJAYA SEMPENA MERDEKA 6
- 12 LOT NIAGA DI PUTRAJAYA 7
- PUTRAJAYA TANGGUH 90% PROGRAM 8
- LIMPAHAN RONA JINGGA - PPJ TURUT BERI SOKONGAN 12

PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

ppjonline@ppj.gov.my

Bahagian Komunikasi Korporat,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

MPP Jadi Perhubung Rakyat Dengan Kerajaan



Kesemua enam ahli Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Wilayah Persekutuan Putrajaya disarankan supaya dapat berperanan sebagai penghubung antara rakyat dengan agenda direncanakan oleh kerajaan.

Menurut Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, fungsi yang digalas oleh setiap MPP adalah memastikan aspek kebajikan dan keperluan rakyat di peringkat akar umbi dapat diterjemah dalam setiap proses pembangunan yang dilaksanakan kerajaan.

Perkara ini sangat kritikal untuk memastikan setiap dasar atau polisi yang digubal kerajaan dapat dinikmati oleh kelompok rakyat dan bersama dalam arus pemodenan negara. Kesemua MPP dilantik memegang amanah yang besar, berfungsi sebagai mata serta juga telinga bagi kerajaan untuk memastikan rakyat diwakili dapat dibela dan diketengahkan apa jua masalah yang berbangkit.

Tanggungjawab ini perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin termasuk turun padang meninjau setiap keperluan rakyat kawasan yang diwakili supaya mereka ini tidak terpinggir serta merasa hati.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata demikian ketika berucap dalam

Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan MPP Wilayah Persekutuan Putrajaya di Dewan Utama Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya. Hadir sama Presiden Perbadanan Putrajaya Datuk Aminuddin Hassan, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar Datuk Azizi Ahmad Termizi, Setiausaha Akhbar Menteri Wilayah Persekutuan Tun Faisal Ismail Aziz dan semua 102 orang Ahli Jawatankuasa MPPWP Putrajaya.

Pada majlis yang sama, turut menyaksikan dua lagi wakil Sub Zon MPPWP Putrajaya dilantik ke jawatan tersebut sebagai salah satu mekanisma kelancaran pengurusan MPP di segenap lokasi Pusat Pentadbiran Kerajaan itu.

Dengan penambahan dua orang lagi wakil sub zon MPPWP Putrajaya menjadikannya enam wakil, maka setiap proses pengurusan dan pentadbiran masyarakat menjadi lebih tersusun dan efektif. Usaha ini juga sejajar dengan perancangan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan yang sedang mengusahakan pembangunan holistik Putrajaya termasuk menjadikannya hab sukan dan pusat rekreasi kondusif untuk semua kelompok rakyat.





Perbadanan Putrajaya Serah 11 Produk Kesihatan Ke Sekolah

Sebanyak 110 botol cecair pembasmi kuman atau 'hand sanitizer' beserta kotak topeng pelitup muka dan 11 termometer diagihkan Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk kegunaan 11 buah sekolah menengah di sekitar Putrajaya.

Presiden PPj, Datuk Dr. Aminuddin Hassim ketika menyempurnakan majlis penyerahan itu berkata, inisiatif dengan kerjasama Jabatan Pendidikan WP Putrajaya melalui Pelan Tindakan Blueprint Masyarakat Sejahtera 2018-2022, dilaksana bagi meningkatkan lagi kesedaran pelajar dan warga sekolah mengenai pentingnya untuk menjaga keselamatan dan kesihatan.

Program ini bertujuan membantu pengurusan sekolah membuat persediaan dari seawal dua minggu sebelum pembukaan sesi persekolahan sebagai

langkah memerangi penularan Covid 19. Di samping itu, usaha ini diharap dapat mendidik masyarakat Putrajaya untuk mengamalkan nilai-nilai murni dan mematuhi normal baharu dalam kehidupan seharian," katanya sempena Program Kesedaran Norma Baharu Pelajar Putrajaya yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 18(1).

Turut hadir Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar, PPj, Datuk Azizi Ahmad Termizi dan Pengarah Jabatan Pendidikan WP Putrajaya, Farizah Ahmad.

Sementara itu, PPj dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Alam Flora serta Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya, juga telah melaksanakan sanitasi awam secara bersepadu di beberapa lokasi termasuk tadika dan sekolah di Putrajaya.

Putrajaya 2020 Galak Komuniti Amal Gaya Hidup Hijau



Perbadanan Putrajaya (PPj) mengadakan Majlis Anugerah Inisiatif Hijau Putrajaya 2020 (AIH Putrajaya 2020) sebagai penghargaan kepada peserta pertandingan berkonsepkan gaya hidup hijau. Pada majlis tersebut, pemenang pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan membawa pulang wang tunai berserta sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Presiden PPj, Datuk Dr. Aminuddin Hassim. Hadir sama, Naib Presiden Jabatan Perancangan Bandar PPj Datuk Fadlun Mak Ujud, Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Kementerian Wilayah

Persekutuan Dr. Khairul Nizam Othman serta Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa PLAN Malaysia Dr Alias Rameli.

Terdahulu, AIH Putrajaya 2020 berlangsung pada 5 Mei hingga 9 Jun bertujuan untuk mencungkil idea dan kreativiti warga Putrajaya menerusi penghasilan video pendek mengenai amalan gaya hidup sihat serta penjimatan tenaga, air serta pengurusan sisa pepejal.

Pertandingan yang julung kali diadakan ini merupakan pendekatan terbaru yang dilaksanakan PPj dalam mendidik komuniti untuk terus mengamalkan 3R (reduce, reuse, recycle).

Perarakan Berkuda di Dataran Putrajaya Sempena Merdeka



Tiada perarakan gemilang Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya pada tahun ini berikutan negara masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan mengamalkan norma baharu. Sambutan Hari Kebangsaan ke-63 tahun ini dijayakan secara simbolik dengan Perarakan Berkuda Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan pada 30 Ogos 2020.

Sambutan tersebut bersempena dwi sambutan iaitu Hari Kebangsaan 2020 dan Jubli Perak Putrajaya. Sambutan seawal jam 8 pagi ini tidak melibatkan perhimpunan orang ramai bagi menjaga penjarakan sosial sebaliknya hanya melibatkan para peserta sahaja.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Dr. Aminuddin Hassim, agensi-agensi perkhidmatan awam yang terlibat adalah PPj, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera

Malaysia serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Perarakan berkuda ini melibatkan 88 ekor kuda dan para peserta turut mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang perarakan berkenaan di Dataran Putrajaya. Perarakan ini juga bersempena sambutan ke-25 tahun Putrajaya. Tarikh lahir Putrajaya adalah pada 29 Ogos 1995.

Pada tahun 2019, Sambutan Hari Kebangsaan diadakan di Dataran di Putrajaya yang melibatkan 17,353 peserta perarakan. Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menjadi tetamu istimewa pada majlis sambutan tahun lalu.

Putrajaya pernah menjadi lokasi bagi penganjuran Hari Kebangsaan pada 2003, 2005, 2018 dan 2019.



12 Lot Niaga di Putrajaya, Permohonan Sehingga 14 Julai 2020

Perbadanan Putrajaya (PPj) mengalukan komuniti setempat dan orang ramai memohon 12 lot sewaan premis yang ditawarkan di enam lokasi sekitar Putrajaya.

Permohonan perlu dihantar sebelum pukul 4.30 petang, 14 Julai 2020. PPj menerusi kenyataan di Facebook rasminya memaklumkan, lokasi yang ditawarkan adalah di Kiosk Persiaran Perdana Presint 3, Pasar Awam Presint 8 dan Medan Selera Presint 8.

Selain itu, turut ditawarkan adalah di Medan Selera Presint 9, Pasar Awam Presint 16 dan Tapak Food Truck Putrajaya. Enam lot ditawarkan di Food Truck manakala satu lot di setiap lima lokasi berikutnya.

Syarat permohonan adalah pemohon dan pasangan merupakan warganegara Malaysia serta berumur 18 tahun ke atas sahaja dan telah mendaftar perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Borang permohonan yang telah lengkap perlu dikemukakan kepada alamat Blok B, Aras 5, Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan, Kompleks PPj, Presint 3, 62675 Putrajaya.

Hanya permohonan lengkap sahaja yang akan diterima dan diproses. Borang permohonan boleh diperolehi melalui laman sesawang <https://bit.ly/2C2272T> atau layari portal rasmi PPj di www.ppj.gov.my.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi talian 03-88877231/7406/7448/7219.





PUTRAJAYA TANGGUH 90% PROGRAM

Perbadanan Putrajaya (PPj) menangguhkan hampir 90 peratus program, termasuk aktiviti sambutan Jubli Perak yang dijadualkan berlangsung sepanjang tahun 2020, bagi membantu kerajaan mengekang pandemik COVID-19.

Menurut Presiden PPj, Datuk Dr. Aminuddin Hassim, sebanyak 16 program besar yang sepatutnya berlangsung tahun ini, turut ditunda ke tahun depan dan perkara itu mendapat persetujuan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa.

Walau bagaimanapun PPj masih meneruskan beberapa aktiviti seperti pelancaran mushaf Al Quran Putrajaya, syiling peringatan dan setem kenangan yang tidak membabitkan jumlah kehadiran ramai.

PPj kini mencapai 98 peratus pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan sering menjadi rujukkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

Datuk Dr. Aminuddin Hassim telah merasmikan program Taklimat Kesedaran COVID-19 Kepada Warga Emas Putrajaya,

yang turut dihadiri oleh Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj Datuk Azizi Ahmad Termizi dan Yang Di Pertua Persatuan Warga Tua Putrajaya, Roslan Hanif.

Seramai 130 warga emas menyertai program anjuran PPj bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya. Program julung kali itu diadakan sebagai inisiatif prihatin PPj dalam langkah awal melindungi warga emas daripada COVID-19.

Dalam perkembangan lain, PPj juga telah membenarkan lebih ramai jumlah kehadiran untuk majlis kenduri kahwin dan program rasmi kerajaan yang diadakan di dewan dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) mengikut SOP dan keluasan sesebuah premis di bawah selenggaraan PPj.

PPj turut bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Kementerian Kesihatan (KKM) mengadakan program sanitasi surau, masjid dan sekolah sebelum pembukaan bagi memberi keyakinan kesihatan serta keselamatan kepada penduduk.

PPj Sedia Enam Lokasi Khusus Ibadah Korban Di Putrajaya

Perbadanan Putrajaya (PPj) menyediakan enam lokasi khusus untuk aktiviti ibadah korban sempena sambutan Aidiladha di Putrajaya yang mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang penularan coronavirus (Covid-19).

Menurut Presiden PPj, Datuk Dr Aminuddin Hassim, lokasi yang terletak di Presint 5, 7, 9, 11 dan 14 itu dipilih berdasarkan kesesuaian untuk dijadikan tapak simpanan sementara haiwan korban, penyembelihan dan pengurusan sisa pepejal. Ia juga jauh daripada punca air dan boleh ditanam sisa-sisa korban serta mengamalkan SOP seperti penjarakkan sosial memandangkan hanya 30 petugas korban dibenarkan bagi menjalankan aktiviti sembelih, melapah sehinggalah pengagihan.

Terdapat juga satu pintu masuk, satu pintu keluar dan dapat mengawal orang yang datang membuat kutipan atau menyertai aktiviti korban.

Aktiviti ibadah korban di lokasi berkenaan juga dipecahkan kepada beberapa sesi mengikut jumlah haiwan korban bagi

mematuhi SOP yang menghadkan tempoh lima jam bagi setiap sesi.

Pelaksanaan ibadah korban di enam lokasi terbabit dibuat permohonan melalui borang dalam talian dengan mengimbas kod QR di laman sesawang www.ppj.gov.my atau di media sosial PPj. PPj menerima 11 permohonan ibadah korban melibatkan 87 ekor lembu, 10 ekor kambing dan empat ekor kerbau.

Selain enam lokasi berkenaan, aktiviti korban juga boleh dijalankan di masjid atau surau sekitar Putrajaya dengan syarat permohonan perlu dibuat sebelum 28 Julai 2020 bagi memudahkan pemantauan. PPj perlu buat lawatan dan penelitian bersama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan juga Jabatan Veterinar untuk memberi nasihat bagaimana ia hendak dilaksanakan dengan lebih teratur.

Pihak kariah masjid dan surau juga perlu memberikan senarai nama 30 petugas yang terlibat kepada Jawi bagi memudahkan pemantauan.



Pupuk Kefahaman Antara Penduduk Dengan Penguat Kuasa PPj



Kerjasama dibentuk antara komuniti penduduk Putrajaya dengan Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj), menjadi landasan penting untuk memupuk kefahaman dan keharmonian antara kedua-dua pihak yang saling berkaitan.

Bagi Presiden PPj, Datuk Dr Aminuddin Hassim, ruang kesalinghubungan antara kedua-dua pihak berkepentingan itu perlu diwujudkan dan diperkukuh dari semasa ke semasa bagi memastikan mereka memahami dan melengkapi satu sama lain. Hubungan interaktif dan harmoni bukan sahaja dapat membentuk budaya saling bertoleransi, malah mampu mewujudkan sebuah komuniti yang lestari demi manfaat bersama.

Penganjuran pertama kali program adalah bagi meningkatkan persefahaman serta merapatkan kerjasama antara JKKRT mewakili masyarakat Putrajaya dengan Bahagian Penguat Kuasa PPj terutamanya daripada aspek peranan dan fungsi serta tanggungjawab dimainkan oleh keduanya dalam menjadikan kejiranan Putrajaya ini sebagai kawasan yang selamat untuk dihuni.

Datuk Dr Aminuddin Hassim telah merasmikan Majlis Mesra KRT Bersama Penguat Kuasa PPj 'Membudaya Norma

Baharu' di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya. Hadir sama, Naib Presiden Perkhidmatan Bandar, PPJ, Datuk Azizi Ahmad Termizi serta Presiden CUEPACS, Adnan Mat.

Amat bertepatan pada masanya program tersebut dapat dilaksanakan bersama kerana bermanfaat terutamanya ketika negara berhadapan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam menangani penularan COVID-19 yang menuntut kerjasama antara Penguatkuasa dengan warga penduduk Putrajaya.

Melalui pengisian yang diatur sepanjang program tersebut, ia diharap dapat memberikan anjakan paradigma dalam kalangan ahli jawatan kuasa dan ahli KRT tentang peranan sepatutnya dimainkan dalam membantu Penguatkuasa PPj melaksana undang-undang dan peraturan sedia ada diamal dan dipatuhi setiap warga penduduk di Putrajaya.

Mungkin peringkat ini, kita memerlukan penguat kuasa untuk melaksanakan peraturan dan polisi ditetapkan. Namun, suatu masa nanti bila saling memahami, melengkapi antara satu sama lain, akan wujud self regulation dalam diri sendiri masing-masing untuk bersama memelihara apa juga perkara libatkan kepentingan bersama.

KRT seharusnya menjadi perantara bagi komuniti dan Penguat Kuasa PPj khususnya kefahaman terhadap peranan, bidang kuasa dan tindakan diambil agar keharmonian wujud antara kedua-dua pihak.



Pertandingan Hias Gerbang Ceriaikan Komuniti

Pertandingan Gerbang Panjut Merdeka yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 3 (MPPSZ3), Putrajaya bukan sahaja berjaya menarik penyertaan lapan Persatuan Penduduk, malah menceriaikan pengisian aktiviti komuniti di kawasan terlibat.

Acara berlangsung bersempena sambutan bulan Kemerdekaan ke-63 Malaysia, menyaksikan pelbagai gelagat menarik dan unik ditampil para peserta yang terdiri daripada penduduk pelbagai peringkat umur. Selain menampilkan kreativiti tersendiri, rata-rata penduduk yang mengambil bahagian, nyata teruja dapat berganding bahu untuk menghias kawasan kejiranan dengan lampu neon berwarna-warni dan kibaran bendera meraikan sambutan kemerdekaan negara tercinta.

Naib Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Azizi Mohamad Termizi berkata, inisiatif diambil oleh MPPSZ3 Putrajaya dengan kerjasama pihak Persatuan Penduduk meraikan kemeriahan bulan kemerdekaan, perlu disemarakkan sebagai suatu manifestasi semangat cintakan negara. Beliau ketika turun padang meninjau dan menilai pemarkahan bagi pertandingan itu mengakui, ia sebagai platform tepat bagi memupuk semangat perpaduan dan toleransi dalam masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Selain menzahirkan semangat Kemerdekaan Malaysia yang ke-63 tahun ini, acara ini adalah ruang terbaik bagi warga sekitar Putrajaya untuk berkumpul dan saling mengenali serta membina jati diri bangsa Malaysia.

PPj melalui Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri memperuntukkan hampir RM300,000 kepada ke semua MPPWP untuk melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan yang bersesuaian tema sambutan kemerdekaan tahun ini Malaysia Prihatin.

Sebanyak lapan kawasan perumahan terlibat di dalam pertandingan ini iaitu, Perumahan Jalan P10A –P10C, Presint 10; Perumahan Jalan P8A – P8B; Perumahan Fasa 4A; Perumahan Fasa 4B, Perumahan Jalan P8E; Perumahan Fasa 4C dan Perumahan Fasa 8R2, Presint 8, Putrajaya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Presint 8A-B, Mohd Salehudin Soaimin berkata, acara kali pertama disertai penduduk di kawasan kejiranan itu, sangat memberansangkan kerana semua warga memberikan kerjasama baik serta saling melengkapi antara satu sama lain.

Paling penting, semangat kejiranan dapat dihidupkan semula, rasa cintakan kepada negara dan saling bersatu hati demi untuk Malaysia tanah air yang merdeka.



Limpahan Rona Jingga – PPj Turut Beri Sokongan



Hari Keselamatan Pesakit Sedunia disambut pada 17 September setiap tahun. Tema tahun ini 'Speak Up for Health Worker Safety' atau 'bersuaralah untuk keselamatan petugas kesihatan' selari dengan pandemik COVID-19.

Petugas kesihatan antara kumpulan berisiko tinggi dijangkiti COVID-19. Di Malaysia, tiga kluster telah dikesan yang melibatkan petugas kesihatan KKM dan swasta iaitu Kluster Sentosa, Telaga dan Sungai. Terbaharu, empat petugas kesihatan di Lahad Datu disahkan positif COVID-19. Beberapa kematian melibatkan petugas kesihatan juga berlaku.

Justeru, petugas kesihatan perlu memastikan diri mereka sihat fizikal dan mental terlebih dahulu demi keselamatan pesakit.

KKM telah mengadakan Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2020 yang dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr Adham Baba pada jam.



Acara ini akan disiarkan menerusi FB LIVE KKM. Menteri kesihatan juga turut melancarkan buku Quick Guide on Preventing Prescription Error.

Sebagai tanda sokongan, beberapa bangunan ikonik di Putrajaya akan dilimpahi warna jingga bermula malam ini sehingga 20 September 2020.